



English | Malay | 中文 | عربي | Español



BERNAMA › BERITA



RCPJ menyambut Tahun Baru Cina bersama pelajar-pelajar istimewa

KUALA LUMPUR, Jan 27 (Bernama) – Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) mengadakan program sempena Tahun Baru Cina hari ini bersama 330 orang pelajar sekolah rendah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hwa, Damansara. RCPJ telah mengambil kesempatan untuk meraikan Tahun Baru Cina bersama semua pelajar-pelajar ini dengan pemberian wang tunai dan hamper serta menyumbang terhadap pembelian peralatan therapeutik bagi pelajar-pelajar istimewa yang berumur dari 8 hingga 12 tahun. Peralatan ini digunakan bagi membentuk pemikiran dan juga skil motor pelajar-pelajar istimewa ini. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Presiden Kelab Rotary Petaling Jaya iaitu Kapten H.S.Dharan kepada Pengetua sekolah Madam Low Sau Kin.

Presiden Kelab RCPJ dalam ucapannya berkata kelab ini banyak menumpukan perhatian terhadap golongan pelajar pada tahun ini kerana golongan tersebut merupakan harapan negara sebagai pembentuk masa depan negara ini. Beliau juga menyaran agar pelajar-pelajar ini memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran walaupun dalam keadaan susah dan kurang berkemampuan. Menurutnya lagi, RCPJ juga mengambil pendekatan bahawa bantuan seperti ini dapat mempertingkatkan usaha pelajar-pelajar untuk terus maju dalam pelajaran dan hidup mereka.



H.S.Dharan
bermesra
menyaksikan tarian
singa bersama
pelajar-pelajar
Sekolah Chung Hwa,
Damansara